

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Jumaat, 30 September 2016

M/S : 39

### DALAM NEGERI 39



TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL diiringi Azlan Man (kanan) dan Nafisah Ahmad melawat pameran koleksi dokumen sempena Seminar Institusi Raja (Siraj) IV anjuran Unimap di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

## Kerjasama institusi Kesultanan Melayu penting

**KUALA LUMPUR 29 Sept.** - Hubungan luar dan kerjasama antara institusi beraja Kesultanan Melayu dengan kerajaan negara asing masih memainkan peranan penting dalam mengukuhkan keselamatan dan benteng pertahanan negara, selain dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan evolusi pendidikan.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, fungsi dan kuasa Kesultanan Melayu pada masa ini boleh diterjemahkan kepada satu bentuk hubungan akrab dan kerjasama dengan negara-negara luar yang akan memberikan kelebihan dalam beberapa faktor tersebut.

"Benteng pertahanan negara dapat diperkuat dengan kerjasama, latihan, perkongsian maklumat risikan dan perolehan peralatan serta keperluan ke-

tenteraan, selain peningkatan tahap keselamatan melalui strategi komprehensif dan bersatu dalam menangani keganasan, imigrasi, penyeludupan dan aliran tenaga buruh asing.

"Pertumbuhan ekonomi juga akan lebih rancak dengan kemasukan pelaburan asing, peluang mendapatkan sumber dengan harga lebih kompetitif, peningkatan jumlah kehadiran dan penjanaan peluang pekerjaan manakala evolusi pendidikan dapat dicapai hasil pemindahan teknologi, selain peluang melanjutkan pelajaran ke luar negara yang mampu melahirkan rakyat lebih progresif dan kompeten," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berangkat merasmikan Seminar Institusi Raja (Siraj) IV anjuran Universiti Malaysia Perlis (Unimap) di Perpustakaan Negara di sini hari ini.